

PROGRAM *READING SEEDS* PERINGKAT KEBANGSAAN

Program *Reading Seeds* merupakan program literasi perkembangan awal kanak-kanak bermula dari peringkat bayi 0-3 tahun dan turut melibatkan peranan ibu bapa dalam memupuk budaya membaca. Program ini dilaksanakan di peringkat kebangsaan oleh Perpustakaan Negara Malaysia bersama rakan strategik Pustaka Negeri Sarawak, dengan kerjasama Perpustakaan Awam Negeri & Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN). Program ini telah dilancarkan pada 4 Oktober 2019 oleh YB Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya. Projek rintis Program *Reading Seeds* (RS) akan dilaksanakan di 7 buah negeri yang telah dikenal pasti seperti berikut:

1. Pulau Pinang
2. Perak
3. Selangor
4. Negeri Sembilan
5. Melaka
6. Terengganu
7. Pahang

Ibu bapa yang terpilih untuk mengikuti Program *Reading Seeds* ini akan berpeluang untuk memiliki kit *Reading Seeds* yang merangkumi buku dan bahan bacaan, bahan-bahan pendidikan dan pembelajaran awal bayi serta carta perkembangan bayi. Program ini juga merupakan antara program utama Perpustakaan Negara Malaysia yang dirancang bawah Gerakan Dekad Membaca Kebangsaan (DMK) 2020–2030 dengan slogan #MalaysiaMembaca yang bermatlamat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara membaca serta melahirkan masyarakat berilmu bertaraf dunia.